

KOPERASI PERUMAHAN AWAM MALAYSIA (KOPAMA) BERHAD
PROJEK LATIHAN & KEUSAHAWAN KOPAMA



Aturan
Skim Simpanan Khas KOPAMA
SSK

MESYUARAT ALK KOPAMA
22 JULAI 2023

OBJEKTIF

OBJEKTIF:

- KOPAMA berhasrat untuk membantu generasi muda dan B40 untuk memulakan kerja kerja usahawan dan peruncitan.
- SKIM SIMPANAN KHAS KOPAMA -SSK telah diilhamkan semasa tahun 2021 bagi membantu anggota yang berminat untuk memulakan aktiviti keusahawan untuk Bersama sama dengan koperasi.
- Setiap anggota berdaftar hendaklah mendaftar SKIM SIMPANAN KHAS KOPAMA SSK bermula dengan Fi Daftar RM150. Dengan ini koperasi akan membantu anggota mendapatkan modal pusingan dan Latihan kemahiran yang diperlukan melalui PROJEK PROJEK KEUSAHAWANAN.
- Anggota digalakkan terus menyimpan dalam Tabung Simpanan Khas KOPAMA SSK ini untuk menambah modal bagi meningkatkan perniagaan dan membantu anggota lain baru memulakan perniagaan.



SUMBER DANA

Skim Simpanan Khas KOPAMA- SSK mencadangkan setiap anggota koperasi memulakan dengan mendaftar dalam SKIM SIMPANAN KHAS KOPAMA dengan modal RM600. Kemudian dari itu uteras menabung dalam Tabung SSK dari masa ke semasa sejumlah RM600/lot.

Sasaran Dana SSK ialah setiap anggota menyimpan RM600.00 dengan 1,000 anggota berdaftar akan dapat mencapai RM600,000. Selain dari itu Sumber Dana akan diperolehi dari pelaburan dalaman KOPAMA melalui Tabung SSB yang akan dipohon.

Dana SSK juga akan ditambah melalui keuntungan Modal Pusingan Projek Keusahawanan yang dijalankan anggota dari masa ke semasa menggunakan dana SSK.


KEGUNAAN DANA

- Dengan bilangan anggota semakin bertambah dan simpanan secara berterusan, menjadikan dana ini mencapai sasaran RM1 juta. Dengan adanya dana yang cukup membolehkan KOPAMA mengerakkan beberapa projek yang telah dirancang oleh koperasi terutama :

1. Projek Udang Kara
2. Projek Gerai Boom Burger
3. Projek Usahawan Fetgasi Sayuran
4. Agen Pemasaran Produk Kopama
5. Projek Keusahawanan dan Latihan yg diluluskan

- Komisen Dibayar dari Fi Daftar

- Pencadang/Agen – RM50
- Pengurusan Projek – RM50
- Urusan Pembiayaan – RM500



TABUNG
SIMPANAN
KHAS
KOPAMA

SSK
RM600/lot

RM600
X 1,000
ANGGOTA
= RM600k



KOPAMA SHOP2GO

PENJUALAN PRODUK
ANGGOTA

LATIHAN
KEUSAHAWAN

PROJEK UDANG KARA

PROJEK BOOM
BURGER

PROJEK FETIGASI
SAYURAN




30%



UNTUNG
\$\$

70%

KEUNTUNGAN
5%-10%



PENGURUSAN DANA

Untuk menguruskan Skim Simpanan Khas Bulanan SSB ini anggota akan membayar terus ke dalam akaun bank Simpanan Khas Bulanan Koperasi yang diuruskan berasingan dengan akaun bank operasi koperasi. Koperasi perlu membuka satu akaun khas untuk tujuan ini dengan diuruskan oleh 5 orang Pengurus Dana yang dinamakan

Pengerusi Koperasi

Pengurus Besar Koperasi

Pengurus Kewangan Koperasi

Pengurus Dana SSK

Pengurus Kewangan SSK

Penerimaan Skim Simpanan Khas Kopama SSK

- Anggota Berdaftar yang telah membayar Fi Masuk RM30.00 dan Modal Syer Minimum RM100.00 layak untuk menyertai Skim Simpanan Khas Bulanan SSB dengan mengisi **Borang Ikrar Skim Simpanan Khas KOPAMA SSK** dan membuat bayaran terus ke akaun Skim Simpanan Khas KOPAMA dari keuntungan projek keusahawanan RM30/bulan x 20 bulan untuk capai minimum RM600/lot

Pengeluaran Skim Simpanan Khas Kopama SSK

- Dana Skim Simpanan Khas Kopama SSK merupakan tabung jangka sederhana KOPAMA. Anggota hanya dibenarkan membuat pengeluaran pertama selepas 5 tahun simpanan pertama. 10% Setiap tahun bermula tahun ke 5 dan ke atas

Rekod Simpanan Khas Bulanan SSK

- Pengurus Dana perlu menyediakan satu daftar lengkap rekod simpanan khas bulanan setiap anggota dan juga rekod pengeluaran simpanan SSK

Rekod Pelaburan dan Keuntungan Dana Simpanan SSK

- Satu rekod pelaburan jangka pendek dan jangka Panjang Dana SSK perlu diadakan bagi memastikan pulangan keuntungan dapat diberikan kepada penyimpan setiap tahun. Semua keuntungan tahunan dibayar terus ke akaun bank personal anggota setiap tahun

Tanggungjawab



Pengerusi Koperasi – memastikan semua aturan ini diikuti dan dipatuhi semasa mengendalikan dana. Memastikan kelulusan Mesy ALK diperolehi sebelum pelaburan dana dilakukan.



Setiausaha Koperasi – memastikan rekod simpanan disimpan kemas dan kertas kerja kelulusan setiap projek yang diluluskan disahkan oleh mesy ALK.



Bendahari Koperasi – memastikan akaun bank Skim Simpanan Khas KOPAMA ini disahkan dan direkodkan dalam sistem akaun yang teratur



Pengurus Besar – menjalankan tugas promosi mengenai SSK dan memastikan rekod keluar masuk simpanan anggota teratur dan mengikut peraturan. Menyediakan kertas kerja yang berkaitan dengan setiap pelaburan dana untuk mendapat kelulusan Mesyuarat ALK



Pengurus Kewangan Koperasi – memastikan akaun dan rekod terimaan dan pengeluaran dana simpanan khas KOPAMA SSK dalam keadaan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh ALK.



Anggota - Menambah dana seperti dalam Borang Ikrar untuk menikmati faedah langsung yang ditawarkan.

Pengurusan Risiko & Audit

Untuk memantapkan pengurusan kewangan, Pengurus Kewangan Koperasi perlu mempunyai sistem akaun yang baik untuk menyimpan rekod skim simpanan khas KOPAMA SSK dan juga mengeluarkan Penyata Simpanan Tahunan untuk semakan anggota.

Menyediakan penyata untung rugi dana simpanan khas KOPAMA serta cadangan pembayaran keuntungan tahunan kepada penyimpan.

Menyediakan laporan audit tahunan yang lengkap setiap tahun.

Menyediakan laporan penilaian risiko setiap pelaburan yang hendak diluluskan.